

BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Kajian ini adalah mengenai imej diri wanita Melayu kini. Melalui kajian ini akan ditunjukkan tanggapan wanita Melayu tentang imej diri dan proses pembentukan imej diri mereka. Imej diri merupakan gambaran mental dan fizikal yang menentukan reaksi individu terhadap hubungannya dengan orang lain. Setiap orang mempunyai imej diri yang ditonjolkan melalui tindak-tanduk, pembawaan diri, cara berpakaian, cara berjalan dan cara bercakap yang digambarkan melalui personaliti individu itu. Dalam konteks ini, imej diri menentukan identiti wanita dalam hubungan sosial mereka. Masyarakat telah menetapkan imej unggul berdasarkan kepada peranan jangkaan dan juga faktor kejantinaan individu. Misalnya, dalam persekitaran sosial, wanita memegang pelbagai peranan, antaranya sebagai seorang anak, isteri, ibu dan sebagai seorang pekerja yang akhirnya membentuk imej dirinya. Ini bermakna imej diri merupakan persoalan berkaitan dengan diri dan bagaimana kita menampilkan diri yang dikaitkan dengan pelbagai faktor, antaranya budaya dan persekitaran sosial.

Latar Belakang Kajian

Imej diri merupakan sebahagian daripada konsep diri atau *self*. Kajian mengenai imej diri ini melibatkan proses sosial, mental dan fizikal. Melalui ketiga-tiga proses ini dapat dikenal pasti persepsi individu, sistem kepercayaan, nilai, identiti dan segala tindak-tanduk yang ditentukan oleh kedudukan mereka dalam persekitaran sosial.

Setiap masyarakat mempunyai imej diri tersendiri. Bagi masyarakat Melayu kesedaran ini semakin menonjol akibat daripada perkembangan media massa yang membawa pelbagai pengaruh dalam pembentukan imej diri. Misalnya lahir pelbagai majalah yang mempamerkan unsur-unsur imej diri. Bertitik tolak daripada ini tercetuslah idea untuk meneliti serta memahami tanggapan dan proses pembentukan imej diri di kalangan wanita Melayu.

Kajian mengenai pembentukan imej diri sebelum ini dilakukan ke atas golongan remaja memandangkan peringkat ini merupakan peringkat peralihan individu daripada alam kanak-kanak kepada dewasa (Lihana, 1998; Lim Weng Seng, 1993). Perbezaan peranan, tingkah laku dan penampilan menyebabkan golongan remaja mencari dan membentuk imej diri yang tersendiri. Imej yang telah dibentuk pada zaman ini

diperkuuhkan apabila memasuki alam dewasa. Ini dikaitkan dengan pelbagai perubahan sosial yang dialami oleh individu seperti penglibatan dalam sektor pekerjaan, peranan sebagai ibu bapa dan sebagainya.

Bagi masyarakat Melayu, imej diri wanitanya menggambarkan jati diri yang diwarisi dari zaman ke zaman. Jati diri inilah yang membezakan wanita Melayu dengan wanita bangsa yang lain. Perbezaan ini digambarkan melalui proses pembentukan imej diri yang dilalui oleh wanita. Dalam masyarakat, wanita disosialisasikan dengan ciri-ciri kewanitaan yang merangkumi tanggungjawab, peranan, penampilan diri dan juga sifat sopan santun sejak mereka kecil lagi. Kesemua ciri ini ditanam dalam diri kanak-kanak sebagai asas pembentukan imej diri mereka. Proses pembentukan imej diri diperkuuhkan apabila mereka meningkat remaja. Pengukuhan ini selari dengan nilai dan norma masyarakat yang menjangkakan wanita yang telah 'akil baligh' perlu menjaga penampilan dan tingkah laku mereka sesuai dengan kehendak Islam. Proses pembentukan imej diri ini berterusan dengan sedikit perubahan mengikut status yang dipegang oleh wanita.

Oleh itu, proses pembentukan imej diri wanita Melayu merupakan satu proses yang berterusan yang mempunyai kesinambungan dari kecil hingga mereka mencapai usia tua. Proses pembentukan imej diri ini diwarisi dari generasi ke generasi dengan mengalami perubahan dan penyesuaian di sana sini sesuai dengan peredaran masa. Ini kerana

elemen penting dalam proses pembentukan imej diri iaitu Islam terkandung dalam nilai dan norma masyarakat menjadi landasan utama dalam pengekalan imej diri wanita Melayu.

Objektif Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada pembentukan imej diri unggul wanita Melayu.

Objektifnya ialah :

- i) Menjelaskan konsep imej diri unggul wanita dalam masyarakat Melayu kini.
- ii) Meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi imej diri dan proses pembentukan imej diri wanita Melayu.
- iii) Melihat imej diri wanita Melayu dalam konteks perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu kini.

Permasalahan Kajian

Dalam kajian ini, persoalan utama yang dikupas adalah berkenaan dengan imej diri wanita Melayu kini, persoalannya adalah seperti berikut :

- i) Imej diri individu selari dengan nilai dan norma masyarakat. Lantaran itu, pembentukan imej diri ini tertakluk kepada jangkaan


dan ukuran yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Ini bermakna pembentukan imej diri wanita Melayu seharusnya mempunyai ciri dan kriteria yang terkandung dalam nilai dan norma supaya memenuhi kehendak masyarakat. Persoalannya bagaimanakah wanita-wanita Melayu berusaha ke arah itu?

- ii) Budaya itu dinamik. Ia berubah dari semasa ke semasa. Ini bermakna imej diri sebagai satu elemen budaya turut mengalami perubahan. Jangkaan lama diubah di sana sini bagi disesuaikan dengan jangkaan baru. Perubahan yang berlaku disebabkan pelbagai pengaruh dari luar, khususnya industri pakaian, kosmetik dan produk-produk penjagaan diri yang mampu mempengaruhi wanita dalam menampilkan imej mereka. Ini dibantu dengan media pengantara yang berkesan melalui televisyen serta majalah-majalah berkaitan dengan wanita yang banyak terdapat di pasaran. Gabungan daripada imej yang dijangkakan dalam masyarakat dan pengaruh modenisasi akhirnya membentuk imej itu. Dengan itu bagaimanakah wanita Melayu menempatkan diri mereka dalam kerangka jangkaan baru ini?

Metodologi Kajian

Lokasi Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di penempatan flat polis Brickfields, Kuala Lumpur. Flat polis setinggi sepuluh tingkat ini terdiri daripada dua blok, iaitu Blok A dan Blok B, yang semuanya menempatkan sebanyak 160 buah keluarga anggota polis. Rasional pemilihan penempatan polis ini ialah, pertamanya, kerana penempatan ini dikira sebagai satu kelompok masyarakat atau dengan perkataan lain, mereka berada dalam persekitaran yang sama, berinteraksi sesama sendiri, menjalankan aktiviti harian bersama, selain mempunyai taraf sosio-ekonomi yang hampir sama. Dalam kawasan penempatan ini juga terdapat sebuah surau, perpustakaan, tadika (taman didikan kanak-kanak di bawah seliaan KEMAS), dan kedai runcit. Oleh itu sesuatu yang menarik sekiranya dapat dilihat persepsi dan proses pembentukan imej diri golongan wanitanya. Keduanya, kelompok ini berada di tengah bandaraya Kuala Lumpur. Lantaran itu, dapat dilihat adakah perubahan berlaku dalam proses pembentukan imej diri golongan wanita, memandangkan bandar sebagai pusat urbanisasi dan modenisasi diresapi pelbagai pengaruh moden dengan pelbagai medium pengantara yang mudah mempengaruhi pembentukan imej diri wanita Melayu.



Peta 1 : Kawasan Kajian

Sumber : <http://www.streetdirectory.com>

Petunjuk :



Kawasan Kajian (Flat Polis Brickfields)

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan data sekunder khususnya karya-karya kesusasteraan Melayu lama yang mengandungi konsep imej diri unggul wanita berdasarkan kerangka pemikiran masyarakat Melayu dahulu. Data kesusasteraan Melayu lama, seperti pantun dan perumpamaan, menggambarkan nilai, norma dan *world-view* yang dipancarkan melalui corak dan kehidupan masyarakat. Misalnya, R.J. Wilkinson (1943) melihat pantun sebagai dokumen sosio-budaya masyarakat Melayu dengan menegaskan tidak mungkin kita memahami personaliti orang Melayu tanpa memahami pantun Melayu. Oleh yang demikian, karya-karya kesusasteraan Melayu lama menjadi asas penting dalam mengenal pasti ciri-ciri dan imej unggul wanita yang telah ada dalam masyarakat Melayu dahulu. Seterusnya, dibuat perbandingan dengan apa yang dimanifestasikan oleh wanita Melayu kini yang telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam kehidupan mereka.

Kajian ini dilakukan dalam tempoh masa dua tahun iaitu bermula pada tahun 2001 sehingga 2002. Dalam tempoh dua tahun ini pengkaji hanya menjalankan kajian sepenuh masa sewaktu cuti universiti memandangkan pada masa yang lain pengkaji terlibat dalam aktiviti pengajaran. Walaupun begitu disebabkan pengkaji tinggal di sini memudahkan pengkaji terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk

wanita di komuniti ini seperti kelas memasak, ceramah agama dan jahitan yang dianjurkan oleh KEMAS. Ini memberikan ruang kepada pengkaji terlibat secara tidak langsung dalam aktiviti harian wanita yang tinggal di penempatan ini. Dalam erti kata lain pengkaji dapat membuat pemerhatian secara tidak langsung dan berterusan tanpa disedari oleh informan. Dengan ini pengkaji dapat melihat persepsi, tindakan, pandangan dan pergaulan informan secara tidak langsung atau semulajadi tanpa berselindung atau cenderung untuk menyembunyikan pandangan yang sebenar.

Kajian ini melibatkan 13 orang informan yang terdiri daripada wanita yang berumur di antara 20 hingga 45 tahun. Pada mulanya seramai 30 orang wanita memberikan persetujuan untuk ditemubual oleh pengkaji. Namun apabila pengkaji mulai menemubual, tidak semua daripada jumlah ini bersedia untuk bekerjasama disebabkan alasan tertentu seperti kesibukan bekerja dan urusan sehari-hari serta waktu pertemuan yang tidak sesuai antara informan dengan pengkaji. Akhirnya pengkaji berjaya mendapatkan 13 orang informan yang bersedia memberikan kerjasama kepada pengkaji untuk ditemubual dengan memberikan maklumat peribadi, pandangan dan pengalaman mereka dalam kajian ini. Selain itu, rasional pemilihan informan daripada umur yang berbeza ialah untuk melihat kesinambungan persepsi dan tanggapan imej diri di kalangan mereka. Penekanan serta pemaparan imej diri yang berbeza berdasarkan peringkat

umur menyebabkan tindakan yang diambil juga berbeza di kalangan informan dalam menampilkan imej diri masing-masing.

Temubual secara formal digunakan bagi mengutip data berkaitan latar belakang informan, status mereka, taraf pendidikan, keadaan sosio-ekonomi dan maklumat keluarga di samping konsep imej diri unggul dan juga proses atau usaha yang dilakukan bagi mendapatkan imej unggul ini. Pengkaji menyediakan panduan temubual (*interview schedule*) bagi memperolehi data yang sama di kalangan informan.

Selain itu temubual secara tidak formal juga digunakan melalui perbualan di waktu lapang yang kerap kali berlaku pada waktu petang. Melalui perbualan tidak formal seperti ini pengkaji dapat membandingkan ketepatan maklumat yang diperolehi melalui temubual secara formal sebelum ini di samping dapat memahami dengan lebih jelas hal-hal berkaitan dengan nilai dan pandangan informan terhadap imej diri yang dikehendaki mereka. Selain dapat mengenal pasti pengaruh yang diterima di samping kecenderungan informan dalam menampilkan imej mereka secara tidak langsung. Melalui temubual secara formal pandangan, pengaruh dan tindakan yang diambil dalam menampilkan imej diri masing-masing sukar untuk diperolehi memandangkan informan cenderung menyembunyikan pandangan mereka dan tidak berterus terang. Dengan lain-lain perkataan, melalui temubual secara tidak formal ini dapat dilihat

pandangan, pengaruh dan tindakan semulajadi daripada informan tanpa dipengaruhi apa-apa tekanan.

Kajian Terdahulu

Imej diri merupakan konsep yang telah banyak mendapat perhatian dalam pelbagai masyarakat. Pelbagai penyelidikan telah dilakukan untuk memahami imej diri ini. Antaranya, Cecil Helman (1984) membahagikan konsep *body image* kepada tiga aspek iaitu pertama, pandangan tentang bentuk dan saiz badan, termasuk pakaian dan perhiasan luaran, kedua pandangan tentang struktur badan dan ketiga memperkatakan bagaimana badan berfungsi. Aspek pertama merangkumi penampilan fizikal atau luaran dan mempunyai perbezaan antara masyarakat. Secara umum imej diri yang dikaitkan dengan penampilan fizikal ini mempunyai makna sosial selain menggambarkan realiti fizikal. Bentuk dan saiz badan serta pakaian dan perhiasan luaran memberikan gambaran mengenai gender, status sosial, dan pekerjaan, di samping memperlihatkan keanggotaan dalam sesebuah kelompok, sama ada bercorak keagamaan mahupun yang sekular.

Pakaian, misalnya, memberi gambaran tentang tahap sosial dan pekerjaan. Pakaian doktor menggambarkan keanggotaan mereka dalam kelompok yang berprestij selain berfungsi bagi mengekalkan kebersihan dan mencegah jangkitan penyakit. Begitu juga dengan aksesori seperti

barang kemas, batu permata hanya dipakai oleh golongan berada. Lantaran itu, pembentukan imej diri fizikal berubah mengikut kelompok masyarakat sama ada daripada aspek pemahaman, nilai atau *world-view*.

Roziah Omar (1994) menganalisis tahap-tahap perkembangan (*life cycle*) wanita Melayu, bermula daripada kanak-kanak, remaja, dewasa (berkahwin dan berkeluarga), seterusnya memasuki usia tua berdasarkan kepada proses biologi dan juga sistem budaya yang dikaitkan dengan pengaruh adat dan Islam.

Berdasarkan sistem biologi, peralihan zaman kanak-kanak perempuan memasuki remaja ditandai dengan kedatangan haid yang pertama. Kedatangan haid menandakan individu itu telah matang dan sistem reproduktif mereka telah berfungsi. Lantaran itu, berlaku perubahan pada perlakuan, penampilan diri, dan peranan seseorang individu yang dijangkakan dalam masyarakat. Pada peringkat ini, kanak-kanak perempuan diperkuuhkan dengan nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat Melayu, seperti bersopan santun, pandai menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan rumahtangga, seperti memasak, mengemas rumah dan menjaga adik-adik, dan menjaga batas-batas pergaulan dengan lelaki yang bukan muhrim. Di samping itu, penampilan diri juga diberi penekanan dengan memperkenalkan ciri-ciri kewanitaan, seperti berpakaian sesuai dengan nilai dan norma masyarakat.

Setelah berkahwin, wanita berhadapan dengan proses reproduktif, seperti mengandung dan bersalin. Proses ini dipengaruhi oleh adat, seperti pemilihan makanan yang sesuai semasa mengandung dengan menjauhi makanan yang disifatkan 'tajam', 'angin' dan sebagainya. Selepas bersalin, wanita dikehendaki 'berpantang' selama 44 hari dengan mengamalkan bertungku, mengawal pemakanan, berehat dan mengelakkan daripada melakukan kerja-kerja yang berat.

Seterusnya apabila wanita memasuki usia tua, mereka berhadapan dengan fenomena putus haid yang membawa implikasi budaya kepada wanita. Pada masa ini wanita disifatkan sebagai 'mereka yang banyak pengalaman' dan mempunyai peranan yang sesuai dengan usia mereka. Lantaran itu Roziah Omar menumpukan kepada imej atau citra wanita Melayu berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat dalam setiap peringkat hidup. Ciri-ciri yang dimaksudkan merangkumi keseluruhan aspek kehidupan seperti perlakuan, tindakan, tanggungjawab serta penampilan diri fizikal dan dalaman berdasarkan jangkaan masyarakat yang ditandai dengan proses biologi.

Muhammad Ali Al-Hashimi (1998) memperkatakan imej wanita atau diistilahkannya sebagai 'keperibadian wanita' berdasarkan pandangan Islam. Dalam Islam, wanita diberikan kedudukan mulia dan disamakan

dengan lelaki dalam konteks peranan dan tanggungjawab mereka. Keperibadian wanita dipancarkan melalui perhubungan yang dilihat dalam bentuk tanggungjawab terhadap Allah yang dimanifestasikan melalui amal ibadat, mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya.

Selain itu, pancaran imej wanita juga dizahirkan melalui tanggungjawab sesama manusia, khususnya perhubungan dengan kedua-dua ibu bapa, tanggungjawab terhadap suami, anak-anak, mentua dan ipar duai, saudara-mara, jiran dan sahabat handai di samping tanggungjawab kepada diri sendiri. Dengan perkataan lain, imej diri wanita dalam Islam dipancarkan melalui akal, roh, jasad, akhlak dan sikap yang merangkumi keseluruhan kewujudan manusia di sisi Allah. Keseimbangan ciri-ciri dalam kehidupan wanita tanpa terlebih atau terkurang salah satunya melahirkan wanita yang sempurna imejnya, luaran dan dalaman yang dapat meningkatkan darjat mereka di sisi Allah dan juga sesama manusia.

Jawiah Dakir (2000) khusus melihat imej wanita yang dizahirkan melalui pakaian dan perhiasan mengikut perspektif Islam. Islam menetapkan dengan jelas syarat-syarat berpakaian bagi wanita. Antara syarat yang digariskan adalah menutup aurat, pakaian tebal, longgar dan tidak jarang, tidak menyerupai lelaki maupun menyerupai pakaian orang-orang kafir, pakaian bukan sebagai perhiasan dan lambang kemegahan serta tidak berbau dengan wangi-wangian. Tata cara berpakaian yang lain

turut disentuh, seperti adab berpakaian, warna pakaian yang sesuai bagi wanita, dan beliau seterusnya memperkatakan konsep berpakaian bagi wanita Melayu mengikut pandangan Islam. Pakaian seperti baju kurung menepati ciri-ciri berpakaian dalam Islam dan diharuskan pemakaianya dalam Islam.

Selain itu, perhiasan wanita, seperti barang kemas serta memakai bahan-bahan kecantikan diharuskan dalam Islam bagi wanita. Namun begitu, wanita dianjurkan supaya tidak berlebih-lebihan atau dengan perkataan lain mengamalkan kesederhanaan dengan niat bukan untuk mempamerkan atau bermegah dengan kemampuan dan kecantikan diri.

Yasmin Siddik (2003) memaparkan penampilan luaran wanita dengan tumpuan khusus kepada pakaian dan juga aksesori yang dilihat dalam konteks kontemporari. Beliau mengetengahkan pelbagai fesyen pakaian terkini, terutamanya fesyen yang telah diubahsuai supaya sesuai dengan konsep kesopanan dan tatacara berpakaian dalam masyarakat Melayu dan Islam. Pemaparan fesyen ini juga termasuk pemakaian tudung, dengan pelbagai cara dan teknik bagi melahirkan kelainan tanpa menyimpang daripada konsep sebenar, iaitu sopan dan menutup aurat.

Sesuai dengan penampilan luaran, perhiasan seperti kerongsang, barang kemas serta pemilihan kasut yang sesuai juga memaparkan imej diri yang pelbagai kepada wanita. Sebagai contoh, dalam konteks formal seperti waktu bekerja atau menghadiri urusan rasmi, pemilihan pakaian dan aksesori yang sesuai dengan menampilkan kesederhanaan, menampakkan kesungguhan bekerja. Masa, suasana dan situasi yang berbeza menyebabkan pemilihan pakaian serta perhiasan diri juga turut berbeza. Semua ini memancarkan imej yang sempurna kepada wanita mengikut situasi masa.

Kajian-kajian yang telah dilakukan ini memperlihatkan elemen-elemen tertentu dalam pembentukan imej diri. Antaranya, imej diri dibentuk mengikut persekitaran sosial sesebuah budaya. Selain itu, bagi wanita, imej diri juga dipengaruhi oleh proses biologi yang dilalui mereka. Seterusnya elemen terpenting dalam mempengaruhi pembentukan serta penzahiran imej diri adalah Islam. Islam menetapkan garis panduan bagi pembentukan imej diri individu dengan memberi penekanan kepada keseluruhan aspek kehidupan yang digambarkan melalui perhubungan manusia dengan pencipta-Nya, hubungan manusia sesama manusia, dan hubungan manusia dengan alam sekeliling.

Oleh yang demikian, kajian ini cuba meneliti tanggapan wanita terhadap imej diri yang tidak dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu itu. Seterusnya kajian ini cuba menumpukan kepada bagaimana proses pembentukan imej diri wanita Melayu kini.

Kerangka Konsep

Imej Diri

Mengikut Coleman dan Hendry (1990 : 46), imej diri ialah '*the individual's description of himself*' atau '*the perception one has of one's self.*' (Lihana Borhan, 1988 : 20). Dalam hal ini imej diri merupakan sebahagian daripada konsep diri yang mempunyai beberapa unsur,

"...material self, the social self, the spiritual self and the pure ego. Aspects of the material self include the physical body and possessions like car and house, the social self include family relationships, friendships and roles, while the spiritual self include thoughts and psychological mechanisms."

(James, 1980/1961; Damon & Hart, 1988, dipetik drp. Lihana Borhan, 1988 : 17)

Combs dan Snygg (1959 : 122) mengatakan bahawa, "*What a person thinks or how he behaves are largely determined by concept he holds about himself and his abilities.*" Yasmin Siddik (2003 : 3) mendefinisikan imej diri sebagai,

“...persepsi seseorang terhadap diri kita setelah mereka melihat cara kita mempersembahkan diri kita kepada umum melalui cara penampilan termasuk pakaian, tingkah laku dan segala yang berkaitan dengan diri individu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Lantaran itu bolehlah dikatakan bahawa imej ialah gambaran yang kita berikan kepada umum tentang diri kita dari sudut luaran hasil daripada apa yang terpancar dari dalaman diri kita.”

Dalam hal ini imej diri merangkumi persoalan-persoalan tentang bagaimana individu membuat tanggapan terhadap diri sendiri, membuat satu gambaran minda dan tanggapan bagaimana penampilan diri di kalangan orang lain, gambaran tentang diri fizikal dan bagaimana orang lain memandangnya. Selain itu, ia juga melibatkan idea sama ada positif atau negatif, rasional atau sebaliknya bagaimana penampilan individu terhadap orang lain dan bagaimana ia dihakimi oleh mereka, di samping penilaian peribadi terhadap sikap individu, personaliti, kemahiran dan kebolehan mereka. Oleh yang demikian, imej diri melibatkan persoalan fizikal, psikologikal dan sosial tentang diri.

Dalam kajian ini konsep imej diri ditumpukan kepada aspek penampilan diri fizikal seseorang individu dan imej diri atau '*body image*' wanita Melayu. Mengikut Monteath dan McCabe (1997; dlm. Diaz, 2000 : 1), imej diri merupakan gabungan daripada dua konsep iaitu persepsi dan sikap. Persepsi melibatkan persoalan bentuk dan saiz badan manakala

sikap pula melibatkan perasaan ketidakpuasan hati terhadap penampilan diri.

Cash dan Pruzinsky (1990; dlm. Stamps, 2001 : 8) pula melihat imej diri sebagai sikap seseorang terhadap badan mereka, terutamanya dalam aspek penampilan. Memandangkan imej diri mempunyai kaitan yang rapat dengan nilai dan norma masyarakat, konsep ini berubah mengikut peredaran masa, dipelajari dalam sesuatu budaya, dan proses ini sentiasa berkembang secara disedari ataupun tidak (Flaming, 1993; dlm. Stamps, 2001 : 2). Mengikut Diaz (2000 : 6), imej diri merangkumi persoalan,

“... consists of the outside, as well as, the inside view. The outside view concerns the social perception of our physical image, and its role in society. The inside view is based on self concept or body image variables. This internal view is generally associated with feelings, thoughts and behaviours.”

Hal yang sama dikemukakan oleh Grogan (1999; dlm. Diaz, 2000 : 3) yang melihat imej diri melibatkan tiga unsur, iaitu persepsi, pemikiran dan juga perasaan berkenaan badan. Mengikut Helman (1987 : 7), secara umumnya konsep imej diri boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pertama berkenaan bentuk dan saiz badan ideal, termasuklah perhiasan fizikal seperti pakaian dan sebagainya, kedua, struktur badan, dan ketiga, bagaimana ia berfungsi. Ketiga-tiga aspek ini dipengaruhi oleh budaya di samping mempunyai implikasi ke atas kesihatan individu.

Oleh yang demikian, konsep imej diri melibatkan dua perkara utama, iaitu persepsi dan sikap. Persepsi melibatkan proses tanggapan atau pemikiran, yakni satu proses yang dibina dalam minda berkenaan dengan penampilan fizikal, iaitu dalam konteks saiz dan bentuk badan serta penampilan diri. Persepsi ini dipengaruhi oleh budaya dan *world-view* masyarakat. Dalam konteks ini masyarakat Melayu mempunyai tanggapan tersendiri tentang imej badan yang unggul dan menjadi idaman setiap orang, lelaki dan perempuan.

Sikap pula dapat dilihat sebagai kesinambungan daripada persepsi, iaitu perlakuan atau tindakan akibat daripada gambaran yang telah dibentuk dalam pemikiran. Lantaran itu, lahirlah perasaan berpuas hati atau sebaliknya terhadap imej badan. Namun begitu, secara umumnya, kebanyakan individu mempunyai pandangan yang negatif atau tidak berpuas hati terhadap diri mereka. Ini termasuklah dari segi saiz dan bentuk badan. Akibatnya, lahirlah kecenderungan terhadap penggunaan kosmetik, ubat menguruskan badan atau pembedahan plastik dan pelbagai teknik dalam mencapai imej unggul yang diidamkan. Ini bersesuaian dengan pandangan *stereotype* yang mengatakan bahawa sesuatu yang indah atau cantik itu adalah baik dan diingini manakala yang sebaliknya, iaitu sesuatu yang hodoh atau buruk itu, amat dihindari (Cash & Pruzinsky, 1990 : 531; dlm. Diaz, 2000 : 6). Dalam masyarakat Barat, individu yang mempunyai

badan yang langsing dilihat sebagai mempunyai keyakinan, berjaya, kelihatan muda dan yang penting sekali diterima dalam masyarakat (Grogan, 1999; dlm. Diaz, 2000 : 7).

Imej Diri Sebagai Satu Konstruksi Budaya

Imej diri merupakan satu konsep yang subjektif dan ia sentiasa berubah mengikut persekitaran sosial. Lantaran itu, individu sentiasa membentuk dan membina penampilan diri mereka setiap hari. Penampilan diri atau penampilan fizikal merupakan aspek yang dominan dalam imej diri. Mengikut Yasmin Siddik (2003), penampilan fizikal individu menggambarkan 70 peratus imej diri mereka. Oleh yang demikian, setiap individu akan berusaha ke arah mencapai satu ukuran kecantikan yang diterima masyarakat. Justeru, memiliki imej diri unggul dalam masyarakat dapat mempengaruhi kesejahteraan hidup individu.

Biever, Gardner & Bobele (1995) menjelaskan konstruksi budaya sebagai,

"... meanings created through social interaction. It is through the "criss-crossing of ideas" within the context of conversation that we come to understandings related to ourselves and to the ways in which we view the world."

(Dlm. Cashion, 2001 : 3)

Konstruksi budaya merupakan satu idea atau tanggapan yang dibina daripada pengetahuan masyarakat. Dalam konteks ini imej diri wanita merupakan satu binaan sosial yang ditentukan oleh sesebuah budaya berdasarkan kepada nilai dan norma yang terdapat dalam masyarakat dan merangkumi persoalan bagaimana individu disosialisasikan dalam budaya berkenaan (Sayers, 1982).

Dalam konteks masyarakat Melayu, imej diri merupakan satu proses yang dibina berdasarkan kepada *world view*, pengetahuan, nilai dan norma yang terdapat dalam masyarakat. Kesemua unsur tadi bergabung dan menerima pengaruh Islam lantas membentuk imej diri yang dijangkakan dalam masyarakat. Ciri-ciri ideal atau jangkaan bagi wanita dalam masyarakat Melayu ialah memenuhi dan menunaikan tanggungjawab terhadap Allah dengan menunaikan segala apa yang diperintahkan di samping meninggalkan larangan. Wanita Melayu juga dijangkakan berakhhlak mulia dengan memenuhi tanggungjawab terhadap keluarga, termasuk kepada suami, anak-anak, ibu bapa dan mentua. Selain itu, penampilan diri juga dijaga dengan menampilkan kecantikan diri dan berpakaian menarik sesuai dengan status mereka.

oleh akal fikiran dan perasaan anggota-anggota masyarakat. Secara asasnya, walaupun terdapat perbezaan penilaian antara seorang individu dengan individu lain namun perbezaan itu tidak jauh. Ini kerana budaya dan masyarakat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi individu sebagai anggota masyarakat.

Cantik dalam Pelbagai Budaya

Dalam masyarakat Barat, khususnya dalam abad ke-21 ini, kecantikan unggul wanita diukur pada mereka yang mempunyai pinggang ramping, pinggul yang kecil dan berpenampilan remaja (Stone,1993; Winkler,1994; dalam Cashion,2001 : 8). Bagi masyarakat Greek Purba, kecantikan wanita diukur pada bahagian muka. Muka wanita dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian dahi dari garis anak rambut di atas hingga ke alis, bahagian dari bawah alis hingga ke bibir atas, dan bahagian dari bibir atas hingga ke dagu. Ketiga-tiga bahagian ini dikatakan bahagian emas (Mohamad Jajuli, Mei 1998). Masyarakat Turki pula menilai wanita yang cantik dan layak dijadikan isteri adalah wanita yang gemuk tubuh badannya. Oleh kerana itu wanita Turki gemar mengambil makanan dalam jumlah yang banyak supaya mereka kelihatan gemuk dan seksi di samping memenuhi norma masyarakat (Berita Harian, 28 April 1996 : 16).

Dalam Islam, kecantikan seseorang wanita adalah pada bersihnya mereka dan tingkah laku yang baik serta akhlak yang mulia. Kecantikan rupa paras semata-mata dikatakan hanya boleh membawa kepada kebinasaan seperti sabda Rasullullah s.a.w.,

Janganlah kamu kahwini perempuan kerana kecantikan (paras rupa), barangkali kecantikan mereka akan membinasakan diri.

(Hadad A-Tahir, 1991 : 20)

Islam tidak membenarkan wajah seseorang wanita digambarkan secara terperinci, bahkan diceritakan kepada orang lain secara lisan. Tidak ada ukuran tentang kecantikan rupa paras dalam Islam. Sebabnya, dengan memberi ukuran kecantikan tertentu seperti matematik kepada seorang wanita bererti manusia telah mengelaskan manusia mengikut keadaan fizikal yang memang ditentukan oleh Tuhan. Lantaran itu, mengelaskan manusia mengikut ukuran kecantikan akan menjadikan segolongan manusia menjadi rendah dan sebahagian menjadi tinggi (Mohamad Jajuli, Mei 1998 : 39).

Dalam konteks ini masyarakat Melayu telah menetapkan dan menjangkakan imej diri dan penampilan diri seseorang wanitanya. Dari segi pembawaan diri, seseorang wanita disosialisasikan dengan ciri-ciri kewanitaan, seperti bersifat lemah lembut, sopan santun serta baik budi bahasa. Begitu juga dengan penampilan diri serta penjagaan tubuh badan. Walaupun keinginan untuk kelihatan cantik ini merupakan naluri semulajadi

manusia, namun terdapat juga kepentingan lain, misalannya untuk kepentingan sosial seperti menjaga kepentingan diri dalam kelompok masyarakat di samping menarik perhatian kaum lelaki (Wan Abdul Kadir, 1994 : 161).

Lantaran itu, keinginan menjaga penampilan serta kecantikan diri merupakan sebahagian daripada keperluan penghidupan anggota masyarakat. Dengan ini terdapat pelbagai cara yang diwarisi dan dipelajari dalam menentukan kecantikan dan keindahan diri. Selain tubuh badan yang dijadikan dengan rupa paras yang tidak boleh diubah sebagaimana dikehendaki, namun demikian golongan wanita berusaha menyesuaikan rupa paras dengan menghias atau mengenakan rawatan yang bertujuan membawa kecantikan atau keindahan supaya menarik dipandang berasaskan kepada budaya.

Masyarakat Melayu tradisional menggambarkan kecantikan unggul wanita dengan pelbagai unsur perlambangan berdasarkan *world-view* mereka. Ini menjadi asas dalam melihat kecantikan unggul wanita yang memenuhi norma masyarakat. Karya-karya kesusastraan Melayu tradisional, seperti cerita-cerita penglipur lara, cerita hikayat, puisi, syair, pantun dan ungkapan, banyak menggambarkan kecantikan wanita dengan pelbagai kata-kata atau perumpamaan yang indah. Sebagai contoh, wanita

yang unggul dalam masyarakat mempunyai ciri-ciri kecantikan seperti berikut :

Ibu kaki sebungkal tahlil
Tumit meniru telur burung
Betis bagai bunting padi
Lengan bagai benta hanyut
Jari halus sula hilalang
Pinggang ramping bagai diraut
Dada bidang bagai dituang
Pipi halus pauh dilayang
Hidung menguntum bunga melur
Bulu keping bentuk tajian
Kening meniru anak bulan
Leher jenjang berketak tiga
Rambut panjang bergonjong tidak
Putih bagai membayang bulan
Kuning bagai panas petang
Elok ada tampan terbawa
Suara lemah-lemah lembut

(Tenas Effendi, 1986 : 66)

Perumpamaan-perumpamaan seperti **bungkal tahlil**, **telur burung**, **bunting padi**, **benta hanyut**, **sula hilalang**, **bagai diraut**, **bagai dituang**, **pauh dilayang**, **menguntum bunga melur**, **bentuk tajian**, **anak bulan**, **membayang bulan**, **panas petang**, merupakan unsur-unsur alam yang

dikonsepsikan oleh orang Melayu sebagai mempunyai nilai yang tinggi atau mewakili kecantikan unggul.

Namun begitu, dengan peredaran masa gambaran kecantikan tidak lagi dilambangkan dengan unsur-unsur alam seperti yang terdapat dalam hasil-hasil kesusastraan Melayu tradisional. Sebaliknya ukuran baru muncul dengan mengetengahkan konsep cantik yang dipengaruhi oleh Barat, khususnya melalui filem-filem dan iklan. Lahirlah ukuran-ukuran khas yang menggunakan unsur matematik, misalnya ukuran kelangsungan berdasarkan kepada angka-angka yang tertentu yang dipengaruhi oleh individu atau model yang dipaparkan melalui pertandingan ratu cantik, filem dan iklan (Mohamad Jajuli, Mei 1998; Normaizatul Akmal, 1996). Misalnya, pada tahun-tahun 1960-an muncul nama-nama artis yang mempengaruhi penilaian kecantikan bagi masyarakat Melayu, seperti Saadiah, Latifah Omar dan Sarimah (Mohamad Jajuli, Mei 1998 : 38).

Kecantikan unggul bagi golongan wanita sekarang diukur berdasarkan kepada pengaruh material dengan penggunaan alat-alat kosmetik khususnya kombinasi warna *make-up*, dan penggunaan barang yang berjenama, seperti pakaian dan aksesori lain. Selain itu, terdapat juga kaedah alternatif bagi individu yang tidak berpuas hati dengan bentuk badan mereka, iaitu dengan menjalani pembedahan plastik, proses penyedutan lemak dan sebagainya.

Aspek-aspek sosio-budaya masyarakat Melayu berperanan mempengaruhi proses pembentukan imej diri unggul wanita. Pandangan atau norma masyarakat yang mahukan wanita yang berpenampilan menarik dalam personaliti mereka menyebabkan satu tekanan bagi golongan wanita untuk berusaha ke arah memenuhi ukuran itu. Selain itu status ekonomi khususnya pendapatan golongan wanita, taraf pendidikan mereka dan juga pengaruh media massa merupakan antara faktor yang mempengaruhi imej diri ini (Cashion, 2001).

Ruang Lingkup Kajian

Penyelidikan ini berkaitan dengan imej diri wanita Melayu kini. Imej diri merupakan satu konsep yang luas merangkumi keseluruhan pandangan dan persepsi individu sama ada dari aspek kemampuan dan kebolehan mereka dalam menonjolkan dan menempatkan diri di kalangan masyarakat atau rasa hormat pada diri sendiri dan penampilan diri. Namun dalam kajian ini skopnya merangkumi hanya penampilan fizikal wanita Melayu sahaja, iaitu berkenaan bentuk dan saiz badan yang merangkumi pakaian dan perhiasan luaran.

Penyelidikan ini terbatas kepada wanita atau informan yang tinggal di flat polis Brickfields, Kuala Lumpur. Informan yang terlibat dalam kajian ini merangkumi mereka yang berumur antara 20 hingga 45 tahun yang bekerja dan tidak bekerja (suri rumah). Perbezaan umur dan juga keterlibatan dalam sektor pekerjaan mempengaruhi pandangan dan tindakan informan dalam menampilkan imej diri masing-masing yang memperlihatkan imej diri sebagai satu konstruksi budaya. Dengan ini imej diri merupakan konsep yang telah sedia ada dalam masyarakat. Ini dibuktikan melalui nilai dan norma yang dimanifestasikan melalui imej diri yang dijangkakan atau imej diri unggul dalam masyarakat. Nilai dan norma masyarakat terhadap imej diri unggul wanita dapat dilihat dalam karya-karya kesusastraan Melayu yang menjadi landasan dan asas utama dalam melihat konsep imej diri ini. Dalam bab dua kajian ini pantun dan pepatah Melayu digunakan bagi melihat konsep imej diri unggul wanita berdasarkan masyarakat Melayu dahulu. Seterusnya konsep unggul ini dilihat dalam konteks wanita kini.